

Panduan untuk Kisah Kejayaan

The purpose of this document is to provide a guide to the supervisors (manager or assistant manager) on the type of information required in the success stories found through Pusat Internet 1Malaysia (PI1M).


Tujuan dokumen ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penyelia-penyelia (pengurus atau penolong pengurus) bagi jenis maklumat yang diperlukan untuk Kisah Kejayaan yang ditemui melalui Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI1M Nama PI1M	Pusat Internet 1 Malaysia Kuala Klawang
Location Lokasi	<i>Pi1M Kuala Klawang,Jelebu,N.Sembilan</i>
Name of person(s) Nama	<i>Chan Chin Sam</i>
Details of person (s) Butiran diri	<i>73 tahun, Pesara pos</i>
Success story Kisah kejayaan	<p><i>1. Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda</i></p> <p><i>Saya telah menjadi ahli di Pusat Internet 1 Malaysia ini sejak Jun 2013. Seawal penubuhannya, saya berminat untuk menjadi ahli kerana saya banyak menggunakan komputer dan internet. Walaupun saya mempunyai kemudahan internet juga di rumah, saya berminat untuk datang ke sini kerana tempatnya yang selesa, komputer yang besar, ruang berhawa dingin, terdapat tempat menggunakan wifi, dan staf yang mesra. Saya selalu menggunakan komputer dan internet di sini bagi urusan yang selalu saya jalankan seperti urusan perbankan (Maybank2u dan lain-lain) urusan tempahan tiket kapal terbang (saya selalu berkunjung dan berjalan-jalan bersama isteri dan kawan-kawan kedalam negara dan keluar negara seperti negeri Sabah, negara China dan lain-lain),urusan e-roses (pendaftaran persatuan), urusan emel (menghantar emel dan menerima emel),menonton youtube dan menggunakan komputer untuk Microsoft Office seperti Mocrosoft Office Word.</i></p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p><i>Selain itu, saya juga menggunakan komputer di sini untuk urusan persatuan saya memandangkan saya adalah ketua bagi Persatuan Bomba Sukarela di seluruh N.Sembilan. Saya pernah membuat surat di sini untuk memohon sumbangan daripada wakil rakyat di kawasan ini. Sumbangan ini adalah bertujuan untuk kegunaan Persatuan Bomba di bawah seliaan saya. Dan hasilnya saya berjaya mendapatkan bantuan sebanyak RM500 dan RM2000.</i></p> <p>2. <i>Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</i></p> <p>Selain menggunakan komputer dan internet, saya juga mengikuti kelas yang dijalankan di sini seperti kelas membuat emel, kelas membuat blog, latihan menaip, latihan membuat kemaskini folder-folder dalam perisian komputer dan operasi komputer, banyak pelajaran dan kemahiran baru yang saya perolehi. Selain itu, staf yang sentiasa ada dan mesra sering membantu saya jika saya memerlukan pertolongan semasa menggunakan komputer dan internet. Pengetahuan yang saya peroleh disini dapat saya aplikasikan apabila pulang kerumah.</p>
<p>Keterangan gambar Photo caption</p>	<p><i>Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.</i></p>  <p>Mempelajari cara-cara menggunakan facebook</p>

ITEM
JENISINFORMATION
MAKLUMAT

Peserta mempelajari cara-cara menggunakan internet browser, emel, enjin carian, dan menggunakan tab baru




Peserta sedang menggunakan perisian Paint bagi menghasilkan iklan, melabel dan menggunakan warna

ITEM
JENISINFORMATION
MAKLUMAT

Peserta sedang menggunakan wifi Pi1M bagi melayari facebook menggunakan komputer peribadi



Peserta sedang belajar mengenai cara-cara membuat folder,menyusun dokumen, menyalin,memotong,membuat dokumen baru dan sebagainya menggunakan komputer peribadi

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	 <p data-bbox="711 762 1365 863">Peserta sedang menyalin data dari telefon bimbit kedalam komputer, dan memindahkan data tersebut kedalam CD</p>
<p data-bbox="219 909 621 1003">Photo caption names Keterangan gambar berserta nama</p>	<p data-bbox="711 909 1390 972"><i>Names of significant people in the photo (from left to right)</i></p> <p data-bbox="711 976 1357 1039"><i>Nama-nama orang yang berkepentingan di dalam gambar (dari kiri ke kanan)</i></p>
<p data-bbox="219 1045 407 1108">Feedback Maklumbalas</p>	<p data-bbox="711 1045 1328 1108">1. <i>Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?</i></p> <p data-bbox="753 1144 1403 1287"><i>Menarik kerana merupakan kemudahan yang amat baik untuk kegunaan komuniti kerana dilengkapi dengan kemudahan serba canggih dan terkini</i></p> <p data-bbox="711 1331 1354 1394">2. <i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i></p> <p data-bbox="753 1434 1403 1770">Faktor utama yang membuatkan saya untuk menggunakan perkhidmatan Pi1M adalah kerana caj menggunakan komputer dan internet yang amat murah jika hendak dibandingkan dengan cyber café/pusat komputer di kawasan ini. Tambahan pula, jika menjadi ahli caj bayarannya adalah lebih murah dan ia sangat berbaloi dan amat membantu kami penduduk kampung yang kurang berkemampuan.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>3. <i>Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</i></p> <p>Berdasarkan kemudahan dan caj yang diberikan selaras dengan kelas dan bimbingan,saya berpendapat masyarakat banyak mendapat manfaat daripada penubuhan Pi1M.</p> <p>4. <i>Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lai)</i></p> <p>Pada pendapat saya, Pi1M perlu dilengkapi dengan sebuah meja untuk pengguna duduk bagi menggunakan telefon bimbit untuk kemudahan Wifi. Meja yang sediaada tidak dapat menampung pengguna yang kadangkala ramai apabila berkunjung ke sini. Selain itu,jika ruang Pi1M lebih besar,ia amat sepadan jika diletakkan sekali bersama kemudahan "self-services" iaitu boleh membuat air panas dan minum di ruangan sambal menggunakan komputer/telefon bimbit.</p>